

Ehwal MoneySense

- Merancang Membawa Faedah

Ramai di kalangan kita tidak merancang untuk gagal. Bagaimanapun, kita mungkin tanpa menyedari, gagal untuk merancang. Merancang bagi keperluan atau matlamat kewangan jangka panjang adalah satu langkah penting yang harus kita ambil. Lebih awal kita mulakan, lebih banyak masa dan kelonggaran yang kita ada untuk mencapai matlamat kewangan kita. Dalam keluaran ini, Encik Norbet Bernard dan isterinya, Cik Bernard berkongsi mengenai cara mereka merancang bagi keluarga mereka.

Tetapkan matlamat kewangan

"Perancangan kewangan kelihatan amat rumit pada mulanya. Kita berasa bahawa ia hanyalah untuk golongan kaya, sehinggalah kita duduk untuk berbincang tentang apa yang penting bagi kita" kata Encik Bernard, seorang jurulatih bola sepak. Dengan tiga orang anak berusia 14, 10 dan 8 tahun, keutamaan terpenting bagi pasangan suami isteri itu ialah memastikan bahawa pendidikan anak-anak mereka diambil berat.

Mereka membuat perkiraan tentang jumlah wang yang diperlukan bagi setiap anak. "Sebaik sahaja kami mengetahui tentang jumlah wang yang diperlukan dan tempoh masanya, kami dapat membuat keputusan dengan lebih mudah," kata Cik Bernard. Sejak itu, Encik Bernard dan isterinya telah membuka satu akaun deposit tetap dan menyertai polisi insurans endowmen untuk setiap anaknya.

Simpan wang secara tetap dan hidup mengikut kemampuan sendiri

Encik Bernard dan isterinya juga menyedari peri pentingnya menyimpan wang secara tetap. Mereka cuba menyimpan sekurang-kurangnya 10% daripada gaji mereka yang dibawa pulang setiap bulan, meskipun mereka masih membayar

pinjaman perumahan bagi flat 4-bilik HDB mereka. "Kami mendidik anak-anak kami untuk menyimpan sejumlah kecil daripada wang saku mereka setiap hari sebelum berbelanja," kata Cik Bernard.

Kad kredit yang mereka miliki akan digunakan hanya dalam keadaan kecemasan atau semasa bercuti bersama keluarga. Mereka juga memastikan bahawa bil kad kredit mereka dibayar pada masanya dan sepenuhnya untuk mengelakkan bayaran faedah yang tidak diperlukan.

Pastikan keluarga anda mendapat perlindungan insurans secukupnya

Cik Bernard, seorang jururawat di Hospital Besar Singapura (SGH) maklum akan kos rawatan perubatan. Untuk memastikan keluarganya tidak akan terjejas teruk dengan kos perubatan yang tinggi, Encik Bernard dan isterinya telah menyertai pelan insurans perubatan.

Ini terbukti satu langkah yang baik. Baru-baru ini, anak lelaki kedua mereka, William, telah dimasukkan ke hospital disebabkan jangkitan virus dalam saraf tunjangnya (spinal cord). Jumlah bil perubatannya mencapai sekitar \$3,600.00. Encik Bernard dan isterinya hanya perlu membayar sekitar \$100 wang tunai. Baki bil tersebut dibayar melalui insurans dan Medisave.

Encik Bernard dan isterinya juga menyertai Skim Perlindungan Tanggungan CPF dan

Skim Perlindungan Rumah. "Ini adalah perlindungan asas untuk keluarga kami sekiranya sesuatu berlaku kepada salah seorang daripada kami. Harganya termampu dan kami menggunakan simpanan CPF kami untuk membayar premiumnya," kata Encik Bernard.

Merancang awal untuk persaraan

"Selain mengambil berat tentang anak-anak, kami juga mesti mengambil berat tentang diri kami sendiri," kata Cik Bernard. Menyedari bahawa simpanan CPF hanya menyediakan keperluan persaraan asas, Encik Bernard dan isterinya menyertai polisi insurans endowmen dan merancang untuk bekerja selagi mereka terdaya.

Seperti keluarga Encik Bernard, kita semua perlu merancang kewangan kita dengan teliti agar kita dapat mencapai matlamat kewangan kita. Untuk mengetahui cara anda boleh merancang bagi kewangan keluarga anda, rujuklah kepada "MoneySENSE Guide on Planning For Your Family's Financial Future" di www.moneysense.gov.sg



Ehwal MoneySENSE

Keluaran No. 3 Mac 2006 • www.moneysense.gov.sg



Tip MoneySENSible

- Kenal pasti matlamat kewangan anda. Sama ada anda menyimpan wang untuk rumah baru, pendidikan anak-anak anda atau simpanan persaraan anda, buatlah kiraan tentang jumlah wang yang anda perlukan, masa anda memerlukannya, jumlah wang yang anda miliki dan jumlah wang yang masih kurang.
- Tetapkan bajet dan belanja mengikut bajet. Buatlah kiraan tentang jumlah wang yang masih anda miliki untuk dibelanjakan setelah menyimpan sekurang-kurangnya 10% daripada gaji anda yang dibawa pulang dan ketepikan dana bagi komitmen hutang anda. Gunakan sofwe spreadsheet "Create My Budget" di www.moneysense.gov.sg untuk menyiapkan bajet anda hari ini.
- Jangan menanggung terlalu banyak hutang. Sebagai panduan, komitmen hutang bulanan anda tidak harus melebihi 35% daripada pendapatan kasar anda. Periksalah beban hutang anda dengan menggunakan sofwe spreadsheet "Debt Calculator" di www.moneysense.gov.sg.
- Melabur dengan bijak. Ingatlah, lebih tinggi pulangnya, lebih tinggi risikonya. Fahami selera risiko anda. Jangan melabur dalam sebarang produk yang tidak anda fahami.



Tip Rancanglah awal untuk kehidupan selepas bersara. Gunakan Kalkulator Persaraan di www.cpf.gov.sg untuk mengira jumlah wang yang anda perlukan untuk hari persaraan anda.

Acara MoneySENSE

Roadshow MoneySENSE 2006

Dianjurkan oleh Jawatankuasa Pandu Pendidikan Kewangan MoneySENSE

- HDB Hub, 31 Mac – 2 Apr 06, 10pg – 8mlm

Belajar tentang pengurusan wang, perancangan kewangan dan pelaburan asas melalui pelbagai permainan dan kegiatan yang menyeronokkan. Masuk percuma. Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi www.moneysense.gov.sg.

Seminar MoneySENSE 2006

Dianjurkan oleh Jawatankuasa Pandu Pendidikan Kewangan MoneySENSE

- Auditorium HDB Hub, 1 Apr 06, 9pg – 5.30ptg.

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi www.moneysense.gov.sg. Yuran pendaftaran \$10 akan dikenakan bagi setiap peserta. Beg cenderamata serta makanan dan minuman ringan akan disediakan.

Perancangan Kewangan untuk Keluarga

Dianjurkan oleh Persatuan Pelabur Sekuriti Singapura (SIAS)

- CC Bukit Panjang, 20 Mei 06, 2.30 – 4.30 ptg (Inggeris)

Untuk mendaftar, sila hubungi Raymi Shankar di raymi@sias.org.sg atau Rachel.toh@sias.org.sg. Nombor telefon 6227 2683.

Merancang Bagi Masa Depan Kewangan Keluarga Anda

Dianjurkan oleh Persatuan Penasihat Kewangan Singapura (AFAS), Persatuan Perancangan Kewangan Singapura (FPAS) dan Persatuan Pengamal Insurans dan Kewangan Singapura (IFPAS).

- CC Telok Blangah, 23 Apr 06, 1 – 2.30 ptg (Inggeris).

Untuk mendaftar, sila hubungi: Cik Jamelah Bte Ismail di 62719602

- CC Taman Jurong, 27 Mei 06, 8 – 9mlm (Inggeris).

Untuk mendaftar, sila hubungi: Cik Ng Mei Choo di 62683931

Undian MoneySENSE

Apakah yang telah anda lakukan untuk melindungi kewangan anda? Beritahu kami dan anda berpeluang memenangi baucar membeli-belah!

Di sini kami berikan 10 perkara yang boleh anda lakukan untuk membina masa depan kewangan yang lebih cerah bagi anda dan keluarga anda. Tandakan (tick) perkara yang telah anda lakukan dan hantarkan kepada **Consumer Issues Division, Monetary Authority of Singapore, 10 Shenton Way, MAS Building, Singapura 079117** selewat-lewatnya 30 Apr 06. Anda akan berpeluang memenangi baucar membeli-belah \$50.

- Saya telah menyiapkan bajet bulanan.
- Saya mempunyai dana kecemasan sebanyak pendapatan 3 hingga 6 bulan saya.
- Saya telah mengenal pasti matlamat kewangan saya.
- Saya tahu tentang nilai bersih saya (aset – liabiliti).
- Saya mempunyai pelan yang betul untuk mencapai matlamat kewangan saya.
- Keluarga saya dan saya mendapat perlindungan insurans secukupnya daripada risiko seperti penyakit, kemalangan dan kehilangan pendapatan.
- Saya tahu tentang jumlah simpanan CPF yang akan saya miliki apabila saya bersara.
- Saya tahu tentang jumlah wang yang saya perlukan bagi persaraan saya dan telah mula membina dana persaraan.
- Saya telah mula ketepikan sejumlah wang untuk pelaburan bagi menambahkan wang saya.
- Saya menyemak pelan kewangan saya secara tetap.

Nama: _____

Alamat: _____

No tel: _____

Alamat e-mel: _____

MoneySENSE adalah satu program pendidikan kewangan nasional yang dilancarkan oleh Pemerintah Singapura dalam Oktober 2003. MoneySENSE memberikan maklumat untuk membantu rakyat Singapura mengurus kewangan mereka dengan lebih baik dan merancang bagi kesihatan kewangan mereka. Dapatkan lebih banyak tip mengenai peri pentingnya anda mempunyai pengetahuan kewangan dalam keluaran hadapan.

Untuk tip dan maklumat lanjut, kunjungi www.moneysense.gov.sg